

HARI : SABTU  
TARIKH : 14/9/2019  
M/SURAT : 12

## {BISIK-BISIK}

AWANG lega apabila Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail menegaskan, penurunan harga barangan tertentu adalah disebabkan kuasa pasaran dan bukan kerana tindakan boikot yang dilakukan sesetengah pihak.

Penegasan ini membuktikan dakwaan kempen mengutamakan produk Muslim telah menjejaskan peniaga bukan bumiputera hanyalah omong kosong dan ibarat orang yang takut kepada bayang-bayang.

Lagi pula sejak awal lagi sudah ditegaskan tidak pernah ada atau wujud apa-apa kempen yang menyeru umat Islam memboikot produk keluaran bukan bumiputera. Sebaliknya umat Islam digalakkan mengutamakan produk Muslim yang berkualiti dan dijual dengan harga berpatutan.

Oleh itu tidak payahlah mana-mana pihak menggesa supaya kempen membeli produk Muslim tersebut dihentikan. Fahami betul-betul apa kata Saifuddin, antara lain beliau berkata, :

"Turun atau naik harga ia bergantung kepada kuasa pasaran, kalau sumber utamanya itu harga jatuh, harga runcit juga akan jatuh. Ataupun kalau permintaan banyak, jadi bergantung kepada permintaan dan penawaran. Ia prinsip asas ekonomi." Justeru Awang berharap, ahli politik khususnya yang ada dalam Kabinet tidak lagi menyalahkan kempen mengutamakan produk Muslim kerana ia tidak akan memberi kesan apa-apa memandangkan harga turun atau naik disebabkan kuasa pasaran.

**Awang - Tak beli bukan bermakna boikot.**